



SEORANG kanak-kanak melihat telur biasa di sebelah telur masin yang direbus dengan air kencing di Dongyang.

Telur rebus air kencing popular

Didakwa bantu elak panas badan, beri tenaga

DONGYANG: ‘Telur budak lelaki teruna’ yang popular di kalangan penduduk Zhejiang ketika musim bunga wajar dicadangkan untuk dijui pengacara program ‘Bizarre Foods’, Andrew Zimmern.

Prosesnya mudah. Besen dan baldi dipenuhi air kencing kanak-kanak lelaki dikumpulkan di tandas sekolah rendah. Kemudian, telur yang direndam akan dimasak dengan air kencing kanak-kanak lelaki yang bersia-sia bawah 10 tahun.

Tiada penjelasan terbaik mengapa air kencing kanak-kanak lelaki digunakan hanya kerana ia sudah diamalkan sejak berkurun.

Sesiapa yang lalu dekat ramai penjual telur di tepi jalan Dongyang akan dapat menghidu bau telur yang dimasak dalam periuk dipenuhi air kencing kerana bauinya sangat kuat.

“Jika anda makan telur ini, anda tidak akan diserang angin ahmar. Telur yang dimasak dengan air kencing baunya wangi. Ia bagus untuk kesihatan. Keluarga saya makan telur ini setiap kali makan.

“Di Dongyang, setiap keluarga gemar makan telur ini,” kata Ge Yaohua, 51, yang juga pemilik gerai ‘te-

ee
Dia sudah menjual juadah tempatan popular itu kerana kesegaran dan rasa masinnya, lebih 20 tahun lalu. Ia dijual pada harga 1.50 yuan (73 sen) sebiji, lebih mahal daripada telur biasa **99**

Ge Yaohua
Pemilik kedai ‘telur budak lelaki teruna’

lur budak lelaki teruna’.

Penyediaan telur itu mengambil masa seharian bermula dengan merendam dan kemudian merebus telur dalam periuk dipenuhi air kencing.

Kemudian, kulit telur rebus itu akan dipecahkan sedikit dan terus merenah telur itu dalam air kencing untuk beberapa jam lagi.

Penjual perlu menambah air kencing dalam periuk dan mengawal api supaya telur itu tidak terlebih masak atau terlebih panas.

Ramai penduduk Dongyang, muda dan tua berkata mereka percaya dengan tradisi turun temurun nenek moyang mereka bahawa telur itu mengurangkan panas badan, meningkatkan pengaliran darah dan

menambah kecerdasan.

“Kita tidak akan rasa sakit pinggang, kaki dan sendi jika makan telur ini. Ia turut menambah tenaga,” kata Li Yangzhen, 59, yang membeli 20 telur daripada Ge.

Telur itu bukan sajalah boleh dibeli di gerai tepi jalan, penduduk tempatan turut mengambil sendiri air kencing kanak-kanak lelaki dari sekolah berdekatan untuk memasaknya di rumah mereka.

Populariti juadah itu itu menyebabkan kerajaan tempatan menyenaraikan ‘telur budak lelaki teruna’ sebagai warisan kebudayaan tidak ketara. Tetapi, tidak semua orang menggemari telur itu.

Pakar perubatan China memberi pendapat berbeza mengenai manfaat kesihatan terhadap juadah itu dengan sesetengah mereka memberi amaran mengenai kebersihannya menggunakan air kencing untuk memasak telur. Ada juga penduduk Dongyang benci telur itu.

“Kami mempunyai amalan tradisi di Dongyang bahawa telur ini bagus untuk kesihatan dan membantu mengelakkan badan tidak sejuk. Saya tidak percaya jika saya tidak makan telur ini,” kata Wang Junxing, 38.

- Reuters/Agensi